



kaunseling Remaja

Prof Madya Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Bimbang perubahan fizikal

Siswi rungsing tubuh menunjukkan ciri lelaki hingga rakan tidak selesa tinggal bersama

SOALAN

SAYA pelajar perempuan IPTA berumur awal 20-an dan menghadapi masalah agak merunsingkan fikiran kerana sejak kecil, secara biologikal dan fizikal saya nampak seperti lelaki.

Sejak lima tahun lalu, keadaan fizikal semakin berubah kerana tubuh badan saya kelihatan 80 peratus seperti lelaki. Saya juga mempunyai suara yang garau, bulu badan yang banyak serta tumbuh misai dan janggut.

Saya juga mempunyai kemaluan sebesar ibu jari dan ia semakin membesar seolah-olah sudah ingin mencapai baligh seperti remaja lelaki

tetapi tidak pernah datang haid seperti perempuan. Tubuh badan saya juga tinggi, berotot dan sasa.

Sejak kecil, saya merasakan diri bukan seorang perempuan dan lebih berperwatakan lelaki, contohnya cara berpakaian. Sikap saya juga agak agresif dan mempunyai tenaga seperti lelaki.

Saya akui perasaan juga seperti lelaki, minat dan mempunyai nafsu terhadap perempuan.

Sekarang keadaan kemaluan saya membesar dan pernah keluar cecair putih apabila bernafsu. Saya tidak pasti sama ada ia sperma atau cecair biasa kerana tidak pernah merujuk kepada mana-mana pakar perubatan.

Memandangkan saya tinggal bersama pelajar perempuan membuatkan mereka berasa tidak selesa dan kadangkala salah faham terhadap persona-liti saya.

Saya terpaksa mencukur janggut dan misai setiap hari untuk menghilangkan bulu badan. Nasib baik kerana saya memakai tudung tetapi masih nampak seperti lelaki.

Situasi begini membuatkan saya agak malu dengan keadaan diri dan keyakinan diri saya agak rendah. Rakan-rakan saya juga tidak memahami situasi menyebabkan mereka memulaukan saya dalam banyak perkara serta bersikap prejudis. Lebih memberi tekanan apabila segelintir orang



mengejek keadaan fizikal saya.

Saya tidak menyalahkan takdir, malah bersyukur dengan apa yang ada tetapi saya memerlukan sokongan untuk membuat keputusan memandangkan keluarga tidak menghiraukan perubahan saya.

Apakah yang harus saya lakukan jikalau satu hari nanti tubuh badan saya berubah sepenuhnya seperti lelaki dewasa?

Memandangkan perasaan dan mental sudah beranggapan saya adalah lelaki sejak kecil lagi dan tidak mempunyai perasaan seperti perempuan, saya sedar lebih selesa hidup sebagai lelaki tapi risau terhadap pandangan orang ramai jika menjalani rawatan seperti menukar jantina mengikut kecenderungan fizikal sekarang.

Saya sedar saya khunsa tetapi bagaimana ingin menyelesaikan masalah ini sebaiknya. Saya berharap Dr dapat membantu untuk memberi pendapat bagi menyelesaikan masalah ini.

Buntu,
Kuala Lumpur

JAWAPAN

DR menghargai kesudian adik berkongsi kisah dan dilema. Adik mengakui diri

seorang khunsa. Isu ini memang bukan mudah untuk dibincangkan kerana membabitkan beberapa perkara. Antaranya aspek fizikal bentuk badan, orientasi dan keinginan seksual, persepsi masyarakat, penyesuaian kepada kehidupan selepas memilih jantina yang lebih dominan (sekiranya dilakukan).

Ia juga bersangkut paut dengan persoalan sama ada pemikiran adik selari dengan perubahan fizikal. Penerimaan keluarga dan orang lain mengenai status jantina juga menjadi satu persoalan.

Perkara di atas menyebabkan penyelesaian masalah tidak bertumpu kepada satu aspek saja. Contohnya, jika adik sudah berjumpa pakar Perbidanan dan Sakit Puan (O&G) atau Pakar Sakit Tuan, adik akan dirujuk kepada psikiatri atau kaunselor untuk dilihat dari aspek emosi dan psikologi.

Dalam sesi kaunseling dengan psikiatri atau kaunselor, adik akan dibantu lebih mengenal diri dan akhirnya membuat keputusan terbaik mengenai masa depan. Adik juga perlu mendapatkan perkhidmatan pakar urologi.

Selepas mendapat pengesahan jantina daripada doktor yang bertauliah, rawatannya bergantung kepada kesediaan adik sama ada mahu pembedahan atau tidak.

Khunsa perlu mendapatkan rawatan bersesuaian dan mendapat pengesahan doktor dan pakar genetik mengenai status jantinya. Kemudian, dapatkan rawatan sama ada memerlukan pembedahan. Terdapat hukum khusus dari segi syariat dan perubatan untuk mengatasi masalah khunsa.

Syukur adik tidak menyalahkan takdir malah menerima seadanya status jantina. Dr akui, adik amat memerlukan sokongan terutama keluarga. Sokongan juga boleh diperoleh ketika berjumpa pakar, psikiatri atau kaunselor.

Adik perlu memberitahu keluarga keadaan sebenar. Semakin cepat adik mendapat rawatan, ia lebih baik. Dari sudut perasaan dan mental, adik beranggapan seorang lelaki sejak kecil lagi. Adik lebih selesa hidup sebagai lelaki kerana tidak mempunyai perasaan seperti perempuan.

Bagi ibu bapa yang mempunyai anak khunsa, jalan terbaik mereka perlu reda dan meminta doktor perubatan mengesahkan jantina bayi mereka sebelum melakukan pembedahan membuang satu alat kelamin itu. Manusia perlu yakin setiap ciptaan Allah mempunyai hikmah tersembunyi dan ia fitrah yang membuktikan kekuasaan, kebesaran serta keagungan-Nya.

Jarang masyarakat mahu membincangkan secara terbuka isu khunsa kerana membabitkan maruah, aib dan tabu, apatah lagi jika ibu bapa memiliki anak demikian.

Namun, insan dilahirkan sebagai khunsa juga makhluq Allah dan mereka berhak merasai nikmat serta rezeki Yang Maha Esa. Dr doakan Allah memudahkan jalan adik.